

minda

BAHASA ARAB BUKAN SEKADAR BAHASA DI KITAB

Buka ruang jaringan global

Bersama
Dr Nor Hazrul
Mohd Salleh

B

Bahasa Arab sering dilihat hanya sebagai bahasa yang berada dalam kitab turath, kuliah agama atau ruang pengajian tradisional. Tanggapan ini sebenarnya terlalu sempit. Bahasa Arab bukan sekadar bahasa teks lama, bahkan bahasa ilmu, bahasa wahyu, bahasa tamadun dan bahasa antarabangsa yang berkembang hingga hari ini. Dalam konteks pengajian Islam, bahasa Arab bukan sampingan, tetapi asas menentukan mutu kefahaman seseorang terhadap agama. Lebih daripada itu, bahasa Arab ada hubungan rapat dengan pelbagai cabang ilmu dunia, sama ada secara langsung mahupun melalui sejarah perkembangan ilmu manusia.

Kedudukan bahasa Arab dalam Islam bermula pada hakikat bahawa al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami menurunkannya sebagai al-Quran berbahasa Arab supaya kamu memahaminya." (Surah Yusuf, ayat 2) Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dengan bahasa Arab yang jelas." (Surah al-Syu'ara', ayat 195) Dua ayat ini sudah memadai untuk menunjukkan bahasa Arab bukan sekadar alat komunikasi, tetapi medium utama memahami wahyu secara tepat. Oleh itu, pelajar bidang pengajian Islam tidak boleh memandang bahasa Arab sebagai subjek pelengkap, sebaliknya mesti melihatnya sebagai kunci utama membuka pintu ilmu Islam.

Sunah Nabi SAW juga datang dalam bahasa Arab. Sabda Baginda SAW bermaksud: "Semoga Allah menyerikan wajah seseorang yang mendengar suatu hadis daripada kami lalu dia menghafalnya sehingga dia menyampaikannya kepada orang lain." (Hadis Riwayat Tirmizi)

Hadis ini memberi isyarat tentang kepentingan memahami, memelihara dan menyampaikan ilmu daripada sumbernya. Dalam konteks itu, memahami lafaz, struktur ayat,

penggunaan istilah dan konteks bahasa Arab sangat penting agar hadis tidak difahami secara dangkal atau terkeluar daripada maksud asalnya.

Atas dasar itu ulama menekankan kepentingan bahasa Arab. Imam al-Shafie menegaskan dalam al-Risalah bahawa tidak wajar bagi seseorang bercakap tentang al-Quran dan agama tanpa pengetahuan memadai tentang bahasa Arab kerana bahasa itulah bahasa al-Quran. Pandangan ini selari dengan tradisi besar ilmu Islam. Ibn Taimiyah juga menegaskan dalam Iqida' al-Sirat al-Mustaqim bahawa mempelajari bahasa Arab termasuk sebahagian daripada memahami agama kerana memahami al-Quran dan al-Sunnah wajib, sedangkan kedua-duanya tidak dapat difahami dengan sempurna melainkan melalui bahasa Arab.

Dalam bidang pengajian Islam, hampir semua disiplin ilmu bertaut secara langsung dengan bahasa Arab. Ilmu tafsir memerlukan penguasaan nahu, sarf, balaghah, uslub, dilalah dan adat kebahasaan Arab. Ilmu hadis pula menuntut kefahaman terhadap lafaz, perbezaan makna, gaya tutur Nabi SAW dan konteks penggunaan sesuatu ungkapan.

Ilmu fiqh dan usul fiqh lebih jelas bergantung pada bahasa Arab kerana perbahasan tentang am, khas, mutlak, muqayyad, hakikat, majaz, amr, nahy, mafhum dan manthug semuanya berpaksikan analisis bahasa. Bahkan akidah, sirah, dakwah, qawa'id fiqhiyyah dan turath pemikiran Islam tidak dapat dikuasai secara mendalam tanpa bahasa Arab.

Di sini perlu difahami kemampuan menguasai bahasa Arab mempengaruhi kemampuan menguasai ilmu Islam. Seseorang pelajar mungkin boleh membaca terjemahan, tetapi terjemahan tetap bersifat perantara. Tidak semua makna dapat dipindahkan dengan sempurna daripada bahasa asal ke bahasa sasaran. Ada istilah luas maknanya dalam bahasa Arab tetapi menjadi sempit apabila diterjemah.

Bahasa Arab juga tidak wajar dilihat sebagai milik eksklusif pelajar syariah atau usuluddin sahaja. Sejarah tamadun membuktikan bahawa bahasa Arab pernah menjadi bahasa antarabangsa ilmu. Dalam era kegemilangan Islam, karya-karya besar dalam perubatan, astronomi, matematik, farmasi, geografi, falsafah dan teknologi ditulis atau dihimpunkan dalam bahasa Arab. Nama besar

seperti Ibn Sina, al-Razi, al-Khawarizmi, al-Biruni dan Ibn al-Haytham menjadi bukti bahawa bahasa Arab pernah menjadi bahasa wacana saintifik dunia. Banyak karya mereka diterjemah ke bahasa Latin dan mempengaruhi perkembangan ilmu di Eropah.

Dalam dunia moden hari ini, fungsi antarabangsa bahasa Arab masih kekal. Bahasa Arab digunakan secara rasmi di banyak negara, menjadi antara bahasa utama dalam organisasi antarabangsa serta memainkan peranan penting dalam diplomasi, ekonomi, media, pendidikan dan pengajian strategik. Maka penguasaan bahasa Arab pada hari ini bukan sekadar kelebihan agama, tetapi nilai tambah profesional. Pelajar pengajian Islam khususnya perlu keluar daripada kerangka sempit bahawa bahasa Arab hanya berguna di bilik kuliah atau ketika membaca kitab. Hakikatnya, bahasa ini membuka ruang kerjaya, penyelidikan, penerbitan, komunikasi global dan jaringan ilmu lebih luas.

Penulis Penyelaras Program Khas Bahasa Arab, Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, Pusat Pendidikan Universiti Malaya, Bachok, Kelantan

Tidak semua makna dapat dipindahkan dengan sempurna daripada bahasa asal ke bahasa sasaran. Ada istilah luas maknanya dalam bahasa Arab tetapi menjadi sempit apabila diterjemah

dialog kotaraya oleh lobak



SIDANG PENGARANG

Metro

Pengarang Kumpulan Harian Metro Husain Jahit | Pengarang Eksekutif (Kandungan) Muhamad Safar Ahmad | Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) Yusri Abdul Malek

PERSONAL